



مجلس دائرة ليبis

MAJLIS DAERAH LIPIS
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
27200 KUALA LIPIS
PAHANG DARUL MAKMUR

Tel:09-3121253/3121433 Faks:09-3123953 e-mel:mdlipis@pahang.gov.my Facebook:@MDLipis

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang) yang berkelayakan serta aktif dalam bidang sukan. Pemohon berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup untuk mengisi kekosongan jawatan kontrak (Contract Of Service) di Majlis Daerah Lipis.

1. JAWATAN PEMBANTU OPERASI GRED N11

Kumpulan : PELAKSANA

Bahagian : PENGURUSAN LETAK KERETA

Kekosongan : 01

No. Fail : MDL/JKP/836

2. JADUAL GAJI

KOD GAJI KOMPUTER SSM	GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
SSM401NA11000	N11	RM1,216.00	RM2,983.00	RM80.00
ELAUN	Imbuhan Tetap Khidmat Awam			RM95.00
	Imbuhan Tetap Perumahan			RM300.00
	Bantuan Sara Hidup			RM200.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Warganegara Malaysia;
- b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan
- c. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
- d. Memiliki lesen memandu Kelas B2 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)]
(Gaji Permulaan : Gred N11:RM1,216.00)

DAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. DISKRIPSI TUGAS

Menjalankan rondaan, mengeluarkan kompaun kesalahan letak kereta dan memasukkan kompaun ke dalam sistem komputer. Memandu dan menyenggara kenderaan yang diliputi oleh lesen memandu Kelas B2. Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat.

CARA PERMOHONAN DAN SYARAT-SYARAT

- a. Permohonan hendaklah menggunakan Borang **MDL/JKP/JAWAT 01/03** yang boleh didapati di **KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN, MAJLIS DAERAH LIPIS**, Pahang Darul Makmur dan boleh muat turun borang ini di Laman Web Majlis Daerah Lipis iaitu www.mdlipis.gov.my
- b. Borang permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut:-
 - (i) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport iaitu 2.5 sm x 3.8 sm (*tidak dibenarkan gambar yang diimbas atau difotostat*);
 - (ii) Salinan kad pengenalan (*depan dan belakang*);
 - (iii) Salinan surat beranak;
 - (iv) Salinan kad pengenalan bapa/ibu (sila sertakan salinan sijil kematian sekiranya ibu/bapa telah meninggal dunia);
 - (v) Salinan keputusan peperiksaan yang disyaratkan dalam iklan serta salinan sijil-sijil persekolahan; dan
 - (vi) Sijil-sijil lain yang berkenaan.
- c. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah **DIAKUI SAH**.
- d. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:-

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH LIPIS
KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN
27200 KUALA LIPIS
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 05 NOVEMBER 2020

Semua permohonan (termasuk permohonan melalui pos) hendaklah diterima oleh Majlis Daerah Lipis selewat-lewatnya pada **05 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.


CATATAN AM

- a. Permohonan akan **DITOLAK** jika borang permohonan:-
 - (i) Tidak menggunakan borang MDL/JKP/JAWAT 01/03
 - (ii) Tiada salinan Sijil Kelahiran
 - (iii) Tiada salinan Kad Pengenalan pemohon/ibu/bapa dan salinan sijil kematian (jika berkaitan)
 - (iv) Tiada salinan kelulusan pelajaran/peperiksaan
 - (v) Borang permohonan pemohon yang tidak ditandatangani
 - (vi) Borang permohonan yang tidak lengkap diisi atau tidak jelas
 - (vii) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - (viii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan
 - (ix) Salinan sijil tidak diakui sah
 - (x) Gambar pasport tidak disertakan serta gambar difotostat atau diimbas
 - (xi) Tidak melengkapkan keterangan mengenai 2 orang saksi serta tiada tandatangan
 - (xii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan
 - (xiii) Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan; dan
 - (xiv) Tiada salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilaian Prestasi sekiranya telah berkhidmat dengan jabatan Kerajaan.
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap permohonan tersebut tidak berjaya.
- c. Majlis Daerah Lipis tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' MOHD HAFIZI BIN IBRAHIM, DIMP., SMP., AAP., AMP.)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Lipis

sm/iklan jawatan kosong